



MURNInets



Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development



Laporan

MURNInets 2.0

Penunjuk Bandar Mampan Putrajaya

2021





MURNInets



Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development

Laporan

MURNInets 2.0

Penunjuk Bandar Mampan Putrajaya

2021



2021

**SKOR
KEMAMPAHAN
PUTRAJAYA**

99.78%

Pencapaian PUTRAJAYA dari tahun 2013 - 2021


3 November 2018 - tempat ketiga kategori Bandaraya sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2018.

10 November 2020 - tempat ketiga kategori Bandaraya sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2020.

9 November 2021 - **tempat pertama kategori Bandaraya dan Penghargaan Pencapaian Terbaik Sustainable Development Goals (SDG 11) 2021** sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2021.

Bil.	Tahun	Skor Keseluruhan	Bilangan Penunjuk MURNInets
1.	2013	86%	36
2.	2014	82%	36
3.	2015	81%	36
4.	2016	94%	36
5.	2017	Penambahbaikan MURNInets (Tiada Penilaian)	-
6.	2018	95%	43
7.	2019	98%	39
8.	2020	96.44%	39
9.	2021	99.78%	39

TAHAP
KEMAMPAAN
PUTRAJAYA
DARI TAHUN
2013
SEHINGGA
2021



Tahun 2018



Tahun 2020



Tahun 2021



Majlis Apresiasi Putrajaya Mampaan 2021

- ANUGERAH BANDAR MAMPAN TERBAIK 2021
- PENGHARGAAN PENCAPAIAN TERBAIK SDG11 2021
- PLACEMAKER AWARDS ASEAN 2021
- COMMONWEALTH ASSOCIATION OF PLANNERS AWARD

9 Disember 2021

Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya



Majlis Penyampaian Anugerah Bandar Mampaan Terbaik 2021, Penghargaan Pencapaian Terbaik SDG11 Tahun 2021 dan Majlis Penghargaan MURNInets 2.0 Putrajaya.



Gambar : Putrajaya telah berjaya merangkul Anugerah Bandar Mampan Terbaik 2021 Kategori Bandaraya (Tempat Pertama) dan Pencapaian Terbaik SDG 11 Kategori Bandaraya

Pencapaian PUTRAJAYA pada tahun 2021



Setinggi-tinggi


PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

kepada

SEMUA AGENSI PEMBEKAL DATA

AGENSI PEMBEKAL DATA MURNINETS PUTRAJAYA

- Bahagian Kesejahteraan Rakyat, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri
- Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi Jabatan Perangkaan Malaysia
- Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya
- Pejabat Kesihatan Putrajaya
- Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Putrajaya
- Angkatan Pertahanan Awam Wilayah Persekutuan Putrajaya
- Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.
- Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.
- Tenaga Nasional Berhad (Putrajaya & Cyberjaya)
- Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.
- Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn. Bhd.



Setinggi-tinggi

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH
kepada
SEMUA PEMBEKAL-PEMBEKAL
DATA DALAMAN

PERBADANAN PUTRAJAYA

Jabatan Perancangan Bandar

- Bahagian Pembangunan Mampan dan Perumahan
- Bahagian Kawalan Perancangan dan Pembangunan
- Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland
- Bahagian Kawalan Bangunan dan Rekabentuk Bandar

Jabatan Perkhidmatan Korporat

- Bahagian Komunikasi Korporat

Jabatan Perkhidmatan Bandar

- Bahagian Kesihatan Persekitaran
- Bahagian Pelesenan
- Bahagian Penguatkuasa

Jabatan Kewangan

- Bahagian Pengurusan Kewangan

ISI KANDUNGAN



Latar Belakang MURNInets 2.0	1-2
Objektif MURNInets 2.0	3
Penilaian MURNInets	4
Ringkasan Eksekutif	5-11
1.0 Pendahuluan	12
1.1 Pengenalan	12
1.2 Pelaksanaan Penunjuk Bandar Mampan	13
1.3 Kawasan Pelaksanaan Penunjuk Bandar Mampan	14
1.4 Kaedah Pelaksanaan Pengumpulan Data	14
1.5 Hasil Skor Kemampanan	15
2.0 Dimensi 1 : Ekonomi Berdaya Saing	16
2.1 Penunjuk Yang Digunakan	17
2.2 Hasil Penunjuk dan Kemampanan	18
ET1-P1 Kadar Pertumbuhan Tenaga Buruh	18
ET2-P1 Kadar Kemiskinan	19
ET3-P1 Kadar Pertumbuhan Pelaburan Swasta	20
3.0 Dimensi 2 : Kualiti Persekitaran Mampan	21
3.1 Penunjuk Yang Digunakan	22
3.2 Hasil Penunjuk dan Kemampanan	23
ST1-P1 Status Kualiti Air Sungai	23
ST1-P2 Keadaan Kualiti Udara Persekitaran	24
ST2-P1 Bilangan Inisiatif Pelaksanaan dan Pengurusan Risiko Bencana	25
ST3-P1 Peratusan Penjanaan Sisa Pepejal Per Kapita	26
ST3-P2 Bilangan Inisiatif Pelaksanaan dan Pengurusan Alam Sekitar	27
ST3-P3 Peratusan Peruntukan Kewangan Pendidikan Alam Sekitar	27
4.0 Dimensi 3 : Komuniti Sejahtera	28
4.1 Penunjuk Yang Digunakan	29
4.2 Hasil Penunjuk dan Kemampanan	30
KT1-P1 Peratus Pencapaian Penyediaan Rumah Mampu Milik Mengikut Sasaran Negeri	30
KT2-P1 Peratus Liputan Kediaman Dalam Lingkungan 400 Meter Dari Kemudahan Masyarakat	31



KT3-P1	Nisbah Kes Aduan Berkaitan Kacau Ganggu Awam Kepada 10,000 Penduduk	32
KT3-P2	Nisbah Kes Penyakit Bawaan Air Kepada 10,000 Penduduk	33
KT3-P3	Peratus Premis Perniagaan Makanan Yang Mendapat Penarafan Gred A	33
KT3-P4	Peratus Tandas Awam Yang Mendapat Penarafan Lima Bintang	34
KT3-P5	Indeks Kebahagiaan (Happiness Index)	35
KT3-P6	Nisbah Kes Penyakit Bawaan Vektor Kepada 10,000 Penduduk	36
KT4-P1	Peratusan Penurunan Jenayah Indeks	37

IT1-P1	Isipadu Penggunaan Air Domestik Harian Per Kapita	48
IT1-P2	Penggunaan Harian Elektrik Per Kapita	48
IT1-P3	Pengurangan Kes Gangguan Bekalan Air	49
IT1-P4	Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW)	49
IT1-P5	Pengurangan Kes Gangguan Bekalan Elektrik	49
IT1-P6	Kadar Liputan Jalur Lebar	49
IT2-P1	Kadar Kenaikan Tahunan Kitar Semula	50
IT3-P1	Bilangan Terminal / Stesen Pengangkutan Awam Bersepadu	51
IT4-P1	Peratus Kediaman Mendapat Perkhidmatan Pembentungan	52

5.0

Dimensi 4 : Gunatanah Dan Sumber Asli Optimum	38
5.1 Penunjuk Yang Digunakan	39
5.2 Hasil Penunjuk dan Kemampanan	40
GT1-P1 Peratus Perubahan Terhadap Kawasan Bukan Tepubina	40
GT2-P1 Kadar Perbandaran	41
GT2-P2 Nisbah Penyediaan Kawasan Lapang Awam Berbanding Dengan 1,000 Penduduk	42
GT2-P3 Peratusan Permohonan Pewartaan Kawasan Lapang	43
GT4-P1 Hutan Simpan Kekal /Taman Awam	44
GT4-P2 Program / Aktiviti / Inisiatif Pembangunan Pelancongan	45

6.0

Dimensi 5 : Infrastruktur & Pengangkutan Efisen	46
6.1 Penunjuk Yang Digunakan	47
6.2 Hasil Penunjuk dan Kemampanan	48

7.0

Dimensi 6 : Urustadbir Efektif	53
7.1 Penunjuk Yang Digunakan	54
7.2 Hasil Penunjuk dan Kemampanan	55
UT1-P1 Peratusan Kepuasan Penduduk Terhadap Perkhidmatan PBT	55
UT2-P1 Peratusan Pencapaian Kutipan Hasil PBT	56
UT2-P2 Peratusan Perbelanjaan Penyelenggaraan Berbanding Jumlah Perbelanjaan PBT Keseluruhan	57
UT2-P3 Peratusan Perbelanjaan (Mengurus & Pembangunan) PBT	57
UT3-P1 Peratusan Permohonan Kebenaran Merancang Yang Selaras Dengan Rancangan Tempatan	58
UT3-P2 Bilangan Pelaksanaan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Yang Dijalankan Bersama PBT	58

8.0 Ringkasan Skor Kemampanan 59-61

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Dimensi-Dimensi Penunjuk Bandar Mampan	5
Rajah 2: Senarai Strategi, Dimensi, Tema Dan Penunjuk MURNInets	6-8
Rajah 3: Pelaksanaan MURNInets	13

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Perincian Senarai Dimensi, Tema dan Penunjuk MURNInets	9-11
Jadual 2: Jadual Kemampanan Mengikut Dimensi MURNInets Putrajaya Tahun 2021	15
Jadual 3: Penunjuk, Sasaran Piawaian Dan Pencapaian Bagi Dimensi Ekonomi Berdaya Saing	17
Jadual 4: Penunjuk, Sasaran Piawaian Dan Pencapaian Bagi Dimensi Kualiti Persekitaran Mampan	22
Jadual 5: Jadual Kemampanan Mengikut Dimensi Komuniti Sejahtera	29
Jadual 6: Penunjuk, Sasaran Piawaian Dan Pencapaian Bagi Dimensi Gunatanah & Sumber Asli Optimum	39
Jadual 7: Penunjuk, Sasaran Piawaian Dan Pencapaian Bagi Dimensi Infrastruktur & Pengangkutan Efisien	47
Jadual 8: Jadual Kemampanan Mengikut Dimensi Urustadbir Efektif	54
Jadual 9: Penunjuk, Sasaran Piawaian Dan Pencapaian MURNInets 2.0 Tahun 2020	59-62





LAMPIRAN

Lampiran 1 :	Surat Pengumpulan Data MURNInets	62
Lampiran 2 :	Borang A	63-65
Lampiran 3 :	<i>Online Survey</i>	66
Lampiran 4 :	Borang Soalselidik Bagi Penunjuk KT3-P5 (Indeks Kebahagiaan)	67
Lampiran 5 :	Borang Soalselidik Bagi Penunjuk UTI-P1 (Peratusan Pandangan Penduduk Terhadap Perkhidmatan PBT)	68
		69

LATAR BELAKANG MURNInets 2.0

Kenapa PERLU?



Instrumen untuk mengukur keupayaan dan tahap kemampaan di peringkat pihak berkuasa tempatan Malaysia



Membolehkan pihak berkuasa di peringkat tempatan, negeri dan negara untuk **mengumpul, menyimpan, menganalisis, menilai, mengurus dan memaparkan data** berkaitan kemampaan

MURNInets 
Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development



Fasa

01

MURNInets telah dimulakan pada 2012 sehingga 2016

Fasa

02

Pada 2017 MURNInets telah ditambah baik selaras dengan perubahan polisi di peringkat negara dan antarabangsa yang dikenali sebagai MURNInets 2.0

POMK

Pusat Operasi MURNInets Kebangsaan

NEGARA

POMN

Pusat Operasi MURNInets Negeri

NEGERI

POM BPT

Pusat Operasi MURNInets Pihak Berkuasa Tempatan

TEMPATAN

STRUKTUR PENGURUSAN

MURNInets



OBJEKTIF MURNInets 2.0

1

Mengenalpasti tahap kemampuan di setiap pihak berkuasa tempatan

2

Mengenalpasti kekuatan & kelemahan setiap pihak berkuasa tempatan

3

Memantau tahap kemampuan secara berterusan

4


Mencadangkan langkah penambahbaikan & mengenalpasti potensi untuk meningkatkan tahap kemampuan



PENILAIAN MURNInets 2.0

Penilaian kemampuan di setiap pihak berkuasa tempatan dijalankan melalui laman sesawang yang dikenali Gerbang MURNInets 2.0

<https://murninetsv2.planmalaysia.gov.my/>



RINGKASAN EKSEKUTIF

Tujuan utama laporan ini adalah untuk menyatakan tahap kemampunan kawasan pentadbiran dan operasi Putrajaya pada tahun 2021 dengan menggunakan **39 penunjuk yang merangkumi 6 dimensi**. Dimensi-dimensi ini ialah Ekonomi Berdaya Saing, Kualiti Persekitaran Mampam, Komuniti Sejahtera, Gunatanah & Sumber Asli Optimum, Infrastruktur & pengangkutan efisien Dan Urustadbir Efektif sebagaimana di Rajah 1.

Pengukuran Murninets 2021 adalah menggunakan data-data pada tahun 2020. Secara keseluruhan pada tahun 2021, kawasan pentadbiran dan operasi Perbadanan Putrajaya telah mencapai tahap mampam. Daripada sejumlah 39 penunjuk yang digunakan bagi mengukur tahap kemampunan adalah didapati 38 penunjuk adalah mencapai tahap mampam dan hanya 1 penunjuk berada di tahap sederhana mampam. **Skor kemampunan bagi Putrajaya pada tahun 2021 ialah 99.78%.**

Rajah 1 : Dimensi-Dimensi Penunjuk Bandar Mampam


Wawasan 2020, Model Ekonomi Baru (MEB), Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020), Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3) dan Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN2)



Program Transformasi Kerajaan (NKRA & NKEA)

RUMUSAN KERANGKA MURNInets 2.0

Rajah 2 : Senarai Strategi, Dimensi, Tema dan Penunjuk MURNInets 2.0



5 STRATEGI

6 DIMENSI

20 TEMA

39 PENUNJUK




KERANGKA MURNInets 2.0





20  **TEMA**

39  **PENUNJUK**



JADUAL PERINCIAN MURNInets 2.0

Jadual 1 : Perincian Senarai Dimensi, Tema dan Penunjuk MURNInets 2.0

DIMENSI	TEMA	PENUNJUK
1 Ekonomi Berdaya Saing	ET1 Pertumbuhan Ekonomi	ET1-P1 Kadar Pertumbuhan Tenaga Buruh
	ET2 Kemiskinan	ET2-P1 Kadar Kemiskinan
	ET3 Pelaburan Swasta	ET3-P1 Kadar Pertumbuhan Pelaburan Swasta
2 Kualiti Persekitaran Mampam	ST1 Kualiti Alam Sekitar	ST1-P1 Status Kualiti Air Sungai
	ST2 Pengurusan Risiko	ST1-P2 Keadaan Kualiti Udara Persekitaran
	ST3 Pengurusan Alam Sekitar	ST2-P1 Bilangan Inisiatif Pelaksanaan dan Pengurusan Risiko Bencana
		ST3-P1 Peratusan Penjanaaan Sisa Pepejal Per Kapita
		ST3-P2 Bilangan Inisiatif Pelaksanaan dan Pengurusan Alam Sekitar
		ST3-P3 Peratusan Peruntukan Kewangan Pendidikan Alam Sekitar (<i>Environmental Education</i>)
3 Komuniti Sejahtera	KT1 Kediaman	KT1-P1 Peratus Pencapaian Penyediaan Rumah Mampu Milik Mengikut Sasaran Negeri
	KT2 Kemudahan Masyarakat dan Rekreasi	KT2-P1 Peratus Liputan Kediaman Dalam Lingkungan 400 Meter Dari Kemudahan Masyarakat
	KT3 Kualiti Kehidupan	KT3-P1 Nisbah Kes Aduan Berkaitan Kacau Ganggu Awam Kepada 10,000 Penduduk
		KT3-P2 Nisbah Kes Penyakit Bawaan Air Kepada 10,000 Penduduk

4 Guna tanah dan Sumber Asli Optimum

KT4 Keselamatan

KT3-P3 Peratus Premis Perniagaan Makanan Yang Mendapat Penarafan Gred A

KT3-P4 Peratus Tandak Awam Yang Mendapat Lima Bintang

KT3-P5 Indeks Kebahagiaan (*Happiness Index*)

KT3-P6 Nisbah Kes Penyakit Bawaan Vektor Kepada 10,000 Penduduk

KT4-P1 Peratusan Penurunan Jenayah Indeks

GT1 Perubahan Gunatanah

GT2 Pembangunan Perbandaran

GT4 Pemuliharaan Hutan dan Pembangunan Pelancongan

GT1-P1 Peratus Perubahan Terhadap Kawasan Bukan Tepubina

GT2-P1 Kadar Perbandaran

GT2-P2 Nisbah Penyediaan Kawasan Lapang Awam Berbanding Dengan 1,000 Penduduk

GT2-P3 Peratusan Permohonan Pewartaan Kawasan Lapang

GT4-P1 Hutan Simpan Kekal / Taman Awam

GT4-P2 Program/Aktiviti/Inisiatif Pembangunan Pelancongan

5 Infrastruktur dan Pengangkutan Efisien

IT1 Kecekapan Utiliti

IT1-P1 Isipadu Penggunaan Air Domestik Harian Per Kapita

IT1-P2 Penggunaan Harian Elektrik Per Kapita

IT1-P3 Pengurangan Kes Gangguan Bekalan Air

IT1-P4 Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW)

IT1-P5 Pengurangan Kes Gangguan Bekalan Elektrik

IT1-P6 Kadar Liputan Jalur Lebar

IT2 Pengurusan Sisa Pepejal

IT3 Pengangkutan

IT4 Pengurusan Sisa Kumbahan

IT2-P1 Kadar Kenaikan Tahunan Kitar Semula

IT3-P1 Bilangan Terminal/Stesen Pengangkutan Awam Bersepadu

IT4-P1 Peratus Kediaman Mendapat Perkhidmatan Pembentukan

6 Urustadbir Efektif

UT1 Sistem Penyampaian

UT2 Pengukuhan Institusi

UT3 Penguatkuasaan dan Pemantauan

UT1-P1 Peratusan Kepuasan Penduduk Terhadap Perkhidmatan PBT

UT2-P1 Peratusan Pencapaian Kutipan Hasil PBT

UT2-P2 Peratusan Perbelanjaan Penyelenggaraan Berbanding Jumlah Perbelanjaan PBT Keseluruhan

UT2-P3 Peratusan Perbelanjaan (Mengurus dan Pembangunan) Pihak Berkuasa Tempatan

UT3-P1 Peratusan Permohonan Kebenaran Merancang Yang Selaras Dengan Rancangan Tempatan

UT3-P2 Bilangan Pelaksanaan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Yang Dijalankan Bersama PBT

Nota:

Dimensi 1 Ekonomi Berdaya Saing

Dimensi 2 Kualiti Persekitaran Mampam

Dimensi 3 Komuniti Sejahtera

Dimensi 4 Guna tanah dan Sumber Asli Optimum

Dimensi 5 Infrastruktur dan Pengangkutan Efisien

Dimensi 6 Urus tadbir Efektif

Penunjuk Data Negeri

Penunjuk Data PBT

1.0

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Tujuan utama laporan ini adalah untuk menyatakan tahap kemampunan bagi kawasan operasi, di bawah pentadbiran Perbadanan Putrajaya pada tahun 2021 berdasarkan tiga puluh sembilan (39) Penunjuk Bandar Mampan yang digunakan.

Dalam konteks MURNInets, pembangunan mampan adalah pembangunan yang dapat memenuhi keperluan generasi kini tanpa mengabaikan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka.

Bandar Mampan

Definisi “Bandar Mampan” merupakan bandar yang mampu mengekalkan pencapaian dalam pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal untuk selama-lamanya atau wilayah metropolitan yang boleh bersaing dengan jayanya di peringkat global tetapi masih boleh mengekalkan keunggulan budaya dan alam sekitarnya. Definisi ini menjadi dasar kepada pembentukan dimensi, tema dan petunjuk-petunjuk pembangunan mampan yang telah dipersetujui.

1.2 PELAKSANAAN PENUNJUK BANDAR MAMPAN



Satu program yang dapat membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengumpul data dan maklumat. Ia juga merupakan program penilaian, penentuan dan pemantauan tahap kemampunan bandar berdasarkan penunjuk yang telah ditetapkan.

Pelaksanaan Penunjuk Bandar Mampan perlu dilaksanakan bagi peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mengukur tahap kemampunan bandar seperti di Rajah 3.

ANALISIS TAHAP KEMAMPUNAN BANDAR MELALUI SISTEM MURNInets 2.



- 1 Kemasukan Data Penunjuk
- 2 Gerbang MURNInets
- 3 Analisis Data
- 4 Tahap Kemampunan Bandar

Mampan	> 80%
Sederhana Mampan	50 - 79%
Kurang Mampan	< 49%

Rajah 3 : Pelaksanaan MURNInets

1.3 KAWASAN PELAKSANAAN PENUNJUK BANDAR MAMPAN

Kawasan pelaksanaan Penunjuk Bandar Mampan 2021 yang menggunakan data pengukuran tahun 2020 meliputi keseluruhan kawasan pentadbiran dan operasi Perbadanan Putrajaya yang merangkumi keluasan 4931.00 hektar serta mempunyai jumlah penduduk 113,300 orang.

1.4 KAEDAH PELAKSANAAN PENGUMPULAN DATA

Kaedah pelaksanaan pengumpulan data MURNInets menggunakan borang pengumpulan data dan maklumat. Sehubungan itu, terdapat surat dan borang pengumpulan data dan maklumat untuk penguncian masuk data MURNInets. Sila rujuk Lampiran 1 (m/s 63) untuk melihat contoh surat pengumpulan data dan penguncian masuk data. Manakala sila rujuk Lampiran 2 (m/s 66) untuk melihat contoh borang pengumpulan data.

Walau bagaimanapun, terdapat dua penunjuk bandar yang memerlukan data primer dan dikumpul melalui borang soal selidik secara atas talian (online) dengan menggunakan no siri yang dibekalkan oleh urus setia iaitu penunjuk KT3-P5 Indeks Kebahagiaan dan penunjuk UT2-P1 Peratusan Kepuasan Penduduk / Peniaga / NGO Terhadap Perkhidmatan PBT. Sila rujuk Lampiran 3,4 dan 5 (m/s 67-69) bagi penunjuk-penunjuk tersebut.



Borang pengumpulan data dan maklumat



Penguncian masuk data

1.5 HASIL SKOR KEMAMPANAN

Secara keseluruhannya, hasil pengukuran **Bandar Putrajaya bagi tahun 2021 telah mencapai tahap Mampan dengan keseluruhan skor adalah 99.78%** sepertimana di Jadual 2.

Jadual 2 : Jadual Kemampanan Mengikut Dimensi MURNInets Putrajaya Pada Tahun 2021

Bil.	Dimensi	Indeks Dimensi	Tahap Kemampanan
1.	Ekonomi Berdaya Saing	1.00	MAMPAN
2.	Kualiti Persekitaran Mampan	1.00	
3.	Komuniti Sejahtera	0.99	
4.	Gunatanah & Sumber Asli Optimum	1.00	
5.	Infrastruktur & Pengangkutan Efisien	1.00	
6.	Urustadbir Efektif	1.00	
SKOR KESELURUHAN		99.78%	

2.0

EKONOMI BERDAYA SAING

DIMENSI 1 EKONOMI BERDAYA SAING



TEMA		PENUNJUK	
ET1	Pertumbuhan Ekonomi	ET1-P1	Kadar Pertumbuhan Tenaga Buruh
ET2	Kemiskinan	ET2-P1	Kadar Kemiskinan
ET3	Pelaburan Swasta	ET3-P1	Kadar Pertumbuhan Pelaburan Swasta
JUMLAH TEMA (3)		JUMLAH PENUNJUK (3)	



2.1 PENUNJUK YANG DIGUNAKAN

Tahap kemampanan bagi Dimensi Ekonomi Berdaya Saing diukur, menggunakan tiga (3) penunjuk dengan sasaran piawaian seperti di Jadual 3.

Jadual 3 : Penunjuk, Sasaran Piawaian dan Pencapaian Bagi Dimensi Ekonomi Berdaya Saing

Bil.	Penunjuk	Sasaran Piawaian	Pencapaian 2020		
			Hasil	Kemampanan	Skor
1.	ET1-P1 Kadar Pertumbuhan Tenaga Buruh	$\geq 2.1\%$	9.41	Mampan	3
2.	ET2-P1 Kadar Kemiskinan Bandar	$\leq 0.6\%$	0.43	Mampan	3
3.	ET3-P1 Kadar Pertumbuhan Pelaburan Swasta	$\geq 9.4\%$ setahun	10.35	Mampan	3

2.2 HASIL PENUNJUK DAN KEMAMAPAN

Secara keseluruhan pada Jadual 3, Dimensi Ekonomi Berdaya Saing bagi kawasan operasi Putrajaya menunjukkan adalah seperti berikut :

ET1-P1 Kadar Pertumbuhan Tenaga Buruh

2019

Penduduk bekerja berumur
15-64 tahun

65,900 orang

2020

Penduduk bekerja berumur
15-64 tahun

72,400 orang

Dengan itu, kadar pertumbuhan tenaga buruh adalah tinggi dan berada di skor mampan.





ET2-P1 Kadar Kemiskinan Bandar

Kadar kemiskinan bandar merujuk kepada peratusan isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada garis kemiskinan.



Pendapatan di tahap garis kemiskinan bagi W.P Putrajaya.

Bagi kawasan Putrajaya, jumlah penduduk miskin yang direkodkan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan, Bahagian Kesejahteraan Rakyat, Jabatan Perdana Menteri (JPM) adalah 488 orang yang terdiri daripada ketua isi rumah dan ahli isi rumah, iaitu kira-kira 0.43% daripada jumlah penduduk iaitu 113,300 orang dan mencapai tahap mampan.

ET3-P1 Kadar Pertumbuhan Pelaburan Swasta

Kadar pertumbuhan pelaburan swasta merujuk kepada perubahan jumlah pelaburan swasta pada tahun kajian berbanding tahun sebelum kajian. Jumlah Nilai Pembangunan Kasar (GDV) mengikut projek yang diluluskan adalah pengeluaran lesen perniagaan (Komersil, Industri) sepertimana berikut:



Ini menunjukkan Putrajaya mencapai tahap mampan pada Tahun 2020.



KUALITI PERSEKITARAN MAMPAN

3.0

DIMENSI 2 KUALITI PERSEKITARAN MAMPAN



TEMA

PENUNJUK

ST1 Kualiti Alam Sekitar

ST1-P1 Status Kualiti Air Sungai

ST1-P2 Keadaan Kualiti Udara Persekitaran

ST2 Pengurusan Risiko

ST2-P1 Bilangan Inisiatif Pelaksanaan dan Pengurusan Risiko Bencana

ST3 Pengurusan Alam Sekitar

ST3-P1 Peratusan Penjanaan Sisa Pepejal Per Kapita

ST3-P2 Bilangan Inisiatif Pelaksanaan dan Pengurusan Alam Sekitar

ST3-P3 Peratusan Peruntukan Kewangan Pendidikan Alam Sekitar
(*Environmental Education*)

JUMLAH TEMA (3)

JUMLAH PENUNJUK (6)

3.1 PENUNJUK YANG DIGUNAKAN

Tahap kemampunan bagi Dimensi Kualiti Persekitaran Mampan diukur, menggunakan enam (6) penunjuk iaitu Status Kualiti Air Sungai, Keadaan Kualiti Udara Persekitaran, Bilangan Inisiatif Pelaksanaan & Pengurusan Risiko Bencana, Peratusan Penjanaan Sisa Pepejal Per Kapita, Bilangan Inisiatif Pelaksanaan & Pengurusan Alam Sekitar dan Peratusan Peruntukan Kewangan Pendidikan Alam Sekitar dengan sasaran piawaian seperti di Jadual 4.

Jadual 4 : Penunjuk, Sasaran Piawaian dan Pencapaian Bagi Dimensi Kualiti Persekitaran Mampan

Bil.	Penunjuk	Sasaran Piawaian	Pencapaian 2020		
			Hasil	Kemampunan	Skor
1.	ST1-P1 Status Kualiti Air Sungai	$\leq 10\%$	0	Mampun	3
2.	ST1-P2 Keadaan Kualiti Udara Persekitaran	$\geq 80\%$	99.18	Mampun	3
3.	ST2-P1 Bilangan Inisiatif Pelaksanaan Pengurusan Risiko Bencana	≥ 5	237	Mampun	3
4.	ST3-P1 Peratusan Penjanaan Sisa Pepejal Per Kapita	$\leq 10\%$	-7.29	Mampun	3
5.	ST3-P2 Bilangan Inisiatif Pelaksanaan & Pengurusan Alam Sekitar	≥ 50	141	Mampun	3
6.	ST3-P3 Peratusan Peruntukan Kewangan Pendidikan Alam Sekitar	$\geq 90\%$	113.38	Mampun	3

3.2 HASIL PENUNJUK DAN KEMAMPANAN

Secara keseluruhan pada Jadual 4, Dimensi Kualiti Persekitaran Mampan bagi kawasan operasi Putrajaya sepertimana berikut :

STI-P1 Status Kualiti Air Sungai

Bagi penunjuk status kualiti air sungai di Putrajaya didapati berada ditahap mampam. Berdasarkan penilaian yang di buat pada tahun 2020 di dapati tiada sungai yang berada dalam kategori kelas IV dan V. Terdapat satu (1) bilangan sungai yang terlibat di kawasan operasi iaitu Sungai Chuau (Kelas II) yang direkodkan oleh Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland, Jabatan Perancangan Bandar, Perbadanan Putrajaya.



Sungai Chuau (Kelas II)



ST1-P2 Keadaan Kualiti Udara Persekitaran

Keadaan kualiti udara persekitaran merujuk kepada bilangan hari direkodkan berstatus baik dan sederhana yang diukur mengikut Indeks Pencemar Udara. Bagi kawasan Putrajaya telah mencapai tahap mampan iaitu 362 hari berstatus baik dan sederhana (99.18%).

Penunjuk: ST1-P2 Keadaan Kualiti Udara Persekitaran

Bil.	PBT	(A) Bil. Hari Status "Baik" dan "Sederhana"	(B) Bil. Hari Status "Tidak Sihat", "Sangat Tidak Sihat" dan "Berbahaya"	(C) = (A) + (B) Jumlah Hari
1.	Perbadanan Putrajaya	362 Catatan: <ul style="list-style-type: none"> ● 32 hari udara berstatus "Baik" ● 330 hari udara berstatus "Sederhana" 	4 Catatan: <ul style="list-style-type: none"> ● 4 hari udara berstatus "Tidak Sihat" 	366
Nota: Data (A) adalah dalam angka BILANGAN HARI		DATA (A)		

ST2-P1 Bilangan Inisiatif Pelaksanaan & Pengurusan Risiko Bencana

Inisiatif pelaksanaan dan pengurusan risiko bencana bermaksud apa-apa jua program / aktiviti / projek / kajian / penyediaan tempat mangsa bencana yang dilaksanakan bagi tujuan tindakan penyelesaian, pencegahan dan pengawalan dalam menangani risiko bencana. Di Putrajaya, sebanyak 237 inisiatif pelaksanaan dan pengurusan risiko bencana yang telah direkodkan dan mencapai tahap mampan.



PBT bersama-sama dengan pihak Swasta, NGO, Badan-badan Sukarela, Institusi Pengajian Tinggi merangka program dan strategi Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) yang merangkumi aktiviti seperti kursus, penyertaan awam dan latihan-amal bencana (disaster drill).

ST3-P1 Peratusan Penjanaan Sisa Pepejal Per Kapita

Di Putrajaya, jumlah sisa pepejal harian per kapita yang dijana:



Ini menunjukkan Putrajaya berada di tahap mampan



ST3-P2 Bilangan Inisiatif Pelaksanaan & Pengurusan Alam Sekitar

Bagi bilangan inisiatif pelaksanaan & pengurusan alam sekitar, Putrajaya mencapai tahap mampan di mana Perbadanan Putrajaya telah mengadakan 141 program bersama agensi-agensi lain bagi menggalakkan penduduk/masyarakat menjaga dan melindungi alam sekitar serta mengamalkan gaya hidup “hijau” termasuk budaya kitar semula.



ST3-P3 Peratusan Peruntukan Kewangan Pendidikan Alam Sekitar

Peruntukan dalam pendidikan alam sekitar yang tinggi menggambarkan keperihatinan Perbadanan Putrajaya untuk memberi kesedaran dan pendidikan awal kepada pihak-pihak berkepentingan menjaga dan memelihara alam sekitar di kawasan Putrajaya demi mewujudkan persekitaran yang selesa, bersih, nyaman dan selamat bagi memenuhi keperluan penduduk masa kini dan generasi akan datang.

Manakala jumlah peruntukan kewangan yang dibelanjakan untuk pendidikan alam sekitar pada tahun 2020 adalah mencapai tahap mampan di mana melebihi sasaran piawaian iaitu 113.34%.

4.0

KOMUNITI
SEJAHTERADIMENSI 3
KOMUNITI SEJAHTERA


TEMA

PENUNJUK

KT1	Kediaman	KT1-P1	Peratus Pencapaian Penyediaan Rumah Mampu Milik Mengikut Sasaran Negeri
KT2	Kemudahan Masyarakat & Rekreasi	KT2-P1	Peratus Liputan Kediaman Dalam Lingkungan 400 Meter Dari Kemudahan Masyarakat
KT3	Pengurusan Alam Sekitar	KT3-P1	Nisbah Kes Aduan Berkaitan Kacau Ganggu Awam Kepada 10,000 Penduduk
		KT3-P2	Nisbah Kes Penyakit Bawaan Air Kepada 10,000 Penduduk
		KT3-P3	Peratus Premis Perniagaan Makanan Yang Mendapat Penarafan Cred A
		KT3-P4	Peratus Tandas Awam Yang Mendapat Penarafan Lima Bintang
		KT3-P5	Indeks Kebahagiaan (<i>Happiness Index</i>)
		KT3-P6	Nisbah Kes Penyakit Bawaan Vektor Kepada 10,000 Penduduk
KT4	Keselamatan	KT4-P1	Peratus Penurunan Jenayah Indeks

JUMLAH TEMA (4)

JUMLAH PENUNJUK (9)



4.1 PENUNJUK YANG DIGUNAKAN

Tahap kemampunan bagi Dimensi Komuniti Sejahtera diukur, menggunakan sembilan (9) penunjuk dengan sasaran piawaian seperti di Jadual 5.

Jadual 5: Penunjuk, Sasaran Piawaian dan Pencapaian Bagi Dimensi Komuniti Sejahtera

Bil.	Penunjuk	Sasaran Piawaian	Pencapaian 2020		
			Hasil	Kemampunan	Skor
1.	KT1-P1 Peratus Pencapaian Penyediaan Rumah Mampu Milik Mengikut Sasaran Negeri	70%	100	Mampan	3
2.	KT2-P1 Peratus Liputan Kediaman Dalam Lingkungan 400 Meter Dari Kemudahan Masyarakat	≥ 90%	90.37	Mampan	3
3.	KT3-P1 Nisbah Kes Aduan Berkaitan Kacau Ganggu Awam Kepada 10,000 Penduduk	≤ 5 Aduan: 10,000 Penduduk	2.74	Mampan	3
4.	KT3-P2 Nisbah Kes Penyakit Bawaan Air Kepada 10,000 Penduduk	≤ 40 Kes: 10,000 Penduduk	0	Mampan	3
5.	KT3-P3 Peratus Premis Perniagaan Makanan Yang Mendapat Penarafan Gred A	≥ 70%	72.92	Mampan	3
6.	KT3-P4 Peratus Tandas Awam Yang Mendapat Penarafan Lima Bintang	≥ 91%	92.45	Mampan	3
7.	KT3-P5 Indeks Kebahagiaan (Happiness Index)	≤ 80% (Bahagia)	97.89	Mampan	3
8.	KT3-P6 Nisbah Kes Penyakit Bawaan Vektor Kepada 10,000 Penduduk	≤ 40 Kes: 10,000 Penduduk	57.55	Sederhana Mampan	2
9.	KT4-P1 Peratus Penurunan Jenayah Indeks	> 5%	46.75	Mampan	3

4.2 HASIL PENUNJUK DAN KEMAMPAAN

Secara keseluruhan pada Jadual 5, Dimensi Ekonomi Berdaya Saing bagi kawasan operasi Putrajaya menunjukkan sepertimana berikut :


KT1-P1 Peratus Pencapaian Penyediaan Rumah Mampu Milik Mengikut Sasaran Negeri

Secara umumnya, perumahan mampu milik ini boleh ditakrifkan sebagai perumahan berkualiti yang disediakan bagi golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana dengan harga anggaran purata RM 65,000.00 sehingga RM 400,000.00 dengan pendapatan isi rumah antara RM750.00 sehingga RM 6,000.00.

Sasaran penyediaan rumah mampu milik di Putrajaya adalah mencapai tahap mampan iaitu 100 peratus yang melebihi sasaran yang ditetapkan oleh pihak negeri bagi piawaian rumah mampu milik iaitu 70 peratus.

Walau bagaimanapun pencapaian peratus sekurang – kurangnya 95 peratus adalah dikira sebagai mampan.

SELASIH
PRESINT 17



KT2-P1 Peratus Liputan Kediaman Dalam Lingkungan 400 Meter Dari Kemudahan Masyarakat

Pengukuran liputan kemudahsampaian penduduk ke kemudahan-kemudahan masyarakat sekitar kediaman contohnya kemudahan kesihatan, pendidikan, keselamatan dan kemudahan komuniti yang disediakan dan dikendalikan oleh kerajaan. Di Putrajaya, peratus liputan kediaman dalam lingkungan 400 meter dari kemudahan masyarakat adalah mencapai 90.37 peratus.






KT3-P1 Nisbah Kes Aduan Berkaitan Kacau Ganggu Awam Kepada 10,000 Penduduk

Bilangan aduan berkaitan dengan kacau ganggu awam yang diterima oleh PBT dalam setahun. Kacau ganggu ertinya sesuatu perbuatan, peninggalan atau benda yang menyebabkan bencana, kekusaran, kesalahan, kerosakan, bahaya atau kecacatan kepada deria penglihatan, bau atau pendengaran atau yang membencanakan atau berbahaya atau yang mungkin membencanakan atau berbahaya kepada kesihatan atau harta atau yang menjejaskan keselamatan atau hak penduduk umumnya.



Nisbah kes aduan berkaitan kacau ganggu awam ialah 2.74 aduan kepada 10,000 penduduk di kawasan Putrajaya iaitu berada di tahap mampan.



KT3-P2 Nisbah Kes Penyakit Bawaan Air Kepada 10,000 Penduduk

Kualiti air yang bersih boleh mengurangkan kes penyakit bawaan air. Ia bertujuan untuk memastikan persekitaran yang bersih dan selamat daripada ancaman penyakit bawaan air. Bilangan kes adalah merujuk kepada kes yang direkodkan di kawasan kajian sahaja tanpa membezakan kes daripada penduduk tempatan atau pun warga asing.

Kes dari luar kawasan kajian yang dirujuk di hospital di kawasan kajian adalah tidak berkaitan bagi tujuan penilaian. Manakala, bagi nisbah kes penyakit bawaan air & vektor pula 0 kes kepada 10,000 penduduk. Ini menunjukkan Putrajaya berada di tahap mampan.



KT3-P3 Peratus Premis Perniagaan Makanan Yang Mendapat Penarafan Gred A

Bilangan premis perniagaan makanan yang dikategorikan gred A dengan markah 86% dan ke atas (sebagaimana ketetapan KPKT) oleh PBT pada tahun kajian berbanding jumlah bilangan premis perniagaan makanan yang dinilai oleh PBT pada tahun kajian.

Bagi bilangan premis perniagaan makanan yang dikategorikan gred A, Putrajaya mencapai tahap mampan iaitu mendapat 72.92 peratus melebihi sasaran piawaian 70%.



KT3-P4 Peratus Tandas Awam Yang Mendapat Penarafan Lima Bintang

Tandas awam yang bersih, selesa dan selamat bukan sahaja menjamin keselesaan pengguna semata-mata, namun ia juga dapat mengelakkan jangkitan penyakit serta memberi imej yang baik bagi sesebuah bandar khususnya di kalangan pelancong. Penunjuk ini juga merupakan pengukur bagi menentukan tahap pelaksanaan dan usaha yang telah dilakukan oleh pihak berkuasa berkenaan untuk menyediakan perkhidmatan tandas awam yang bersih, selesa dan selamat kepada penggunan.

Selain itu ia juga sebagai pengukur usaha yang telah dilakukan bagi mendidik dan membina kesedaran penggunaan tandas awam KT3-P5 Indeks Kebahagiaan (Happiness Index). Pada tahun 2020, Putrajaya mencapai tahap mampan iaitu 92.45 peratus.

KT3-P5 Indeks Kebahagiaan (Happiness Index)

Indeks Kebahagiaan merupakan pengukuran umum tahap kesejahteraan penduduk dengan lebih menyeluruh merangkumi tahap kesihatan mental dan fizikal. Setiap orang mempunyai tahap persepsi dan taksiran berlainan ke atas persekitaran penempatan mereka seperti perasaan selamat, kepuasan hidup, kecukupan kemudahan yang disediakan kerajaan, kecekapan pentadbiran kawasan dan sebagainya. Pada tahun 2020, Putrajaya telah mencapai tahap mampan iaitu 97.87 peratus. Jumlah borang bagi penunjuk ini ialah 450 untuk kategori Bandaraya.



Orang awam menjawab soalselidik secara online



KT3-P6 Nisbah Kes Penyakit Bawaan Vektor Kepada 10,000 Penduduk

Pada tahun 2020, nisbah kes penyakit bawaan vektor di Putrajaya berada pada tahap sederhana mampan iaitu dengan penurunan 57.55 kes kepada 10,000 penduduk berbanding pada tahun 2019 sebanyak 102.89 kes.

KT4-P1 Peratus Penurunan Jenayah Indeks

Jenayah indeks berupaya mengancam keselamatan awam dan memberi persepsi kurang selamat kepada masyarakat. Pengurangan jenayah indeks akan menggambarkan keselamatan bagi sesebuah bandar dan meningkatkan persepsi rasa selamat di kalangan masyarakatnya. Justeru itu penurunan jenayah indeks setiap tahun diberi penekanan sebagai usaha untuk mewujudkan persekitaran yang selamat untuk didiami.

Pada tahun 2020, bilangan jenayah indeks ialah 131 kes berbanding pada tahun 2019 iaitu 246 kes. Ini menunjukkan kes telah menurun di Putrajaya iaitu 46.75 peratus di mana terdapat penurunan sebanyak 115 kes dan berada di tahap mampan.



5.0**GUNATANAH & SUMBER ASLI OPTIMUM****DIMENSI 4
GUNATANAH & SUMBER ASLI OPTIMUM****TEMA****PENUNJUK****GT1** Perubahan Gunatanah**GT1-P1** Peraturan Perubahan Terhadap Kawasan Bukan Tepubina**GT2** Pembangunan Perbandaran**GT2-P1** Kadar Perbandaran**GT2-P2** Nisbah Penyediaan Kawasan Lapang Awam Berbanding Dengan 1,000 Penduduk**GT2-P3** Peratus Permohonan Pewartaan Kawasan Lapang**GT3** Pemuliharaan Hutan & Pembangunan Pelancongan**GT4-P1** Hutan Simpan Kekal/Taman Awam**GT4-P2** Program/Aktiviti/Inisiatif Pembangunan Pelancongan**JUMLAH TEMA (3)****JUMLAH PENUNJUK (6)**



5.1 PENUNJUK YANG DIGUNAKAN

Tahap kemampuan bagi Dimensi Gunatanah & Sumber Asli Optimum diukur menggunakan enam (6) penunjuk dengan sasaran piawaian seperti di Jadual 6.

Jadual 6 : Penunjuk, Sasaran Piawaian dan Pencapaian Bagi Dimensi Gunatanah & Sumber Asli Optimum

Bil.	Penunjuk	Sasaran Piawaian	Pencapaian 2020		
			Hasil	Kemampuan	Skor
1.	GT1-P1 Peratusan Perubahan Terhadap Kawasan Bukan Tepubina	0%	0	Mampan	3
2.	GT2-P1 Kadar Perbandaran	≥ 60	100	Mampan	3
3.	GT2-P2 Nisbah Penyediaan Kawasan Lapang Awam Berbanding Dengan 1,000 Penduduk	≥ 2 Hektar 1,000 Penduduk	17.14	Mampan	3
4.	GT2-P3 Peratus Permohonan Pewartaan Kawasan Lapang	≥ 80%	100	Mampan	3
5.	GT4-P1 Hutan Simpan Kekal/Taman Awam	≥ 100%	100.52	Mampan	3
6.	GT4-P2 Program / Aktiviti / Inisiatif Pembangunan Pelancongan	≥ 15%	19	Mampan	3



5.2 HASIL PENUNJUK DAN KEMAMPAKAN

Secara keseluruhan pada Jadual 6, Dimensi Gunatanah & Sumber Asli Optimum bagi kawasan operasi Putrajaya adalah seperti berikut :

GT1-P1 Peratusan Perubahan Terhadap Kawasan Bukan Tepubina

Aktiviti tepubina adalah merupakan aktiviti guna tanah bandar sedia ada, iaitu yang telah wujud secara fizikal di atas tapak (tidak meliputi pembangunan komited yang belum dimajukan) meliputi pembangunan perumahan, perindustrian, perdagangan, kemudahan awam dan sebagainya yang dijalankan di kawasan bandar dan kawasan luar bandar.

Manakala, aktiviti bukan tepubina adalah merujuk kepada cadangan guna tanah pertanian, perhutanan, kawasan hijau, tanah lapang, badan air di dalam Rancangan Tempatan yang telah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Peratusan perubahan terhadap kawasan bukan tepubina di Putrajaya ialah 0 % (amat memuaskan) di mana mencapai tahap mampan.



GT2-P1 Kadar Perbandaran

Kadar perbandaran adalah merujuk kepada peratus penduduk yang tinggal di dalam sesuatu kawasan perbandaran atau kawasan yang telah ditetapkan sebagai kawasan bandar. Peratus penduduk bandar boleh meliputi sama ada hanya melibatkan sebuah bandar atau gabungan beberapa buah bandar.

Objektif indikator ini adalah untuk menunjukkan tahap tumpuan penduduk di dalam kawasan bandar bagi tujuan penyediaan kemudahan awam dan infrastruktur untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Data kadar perbandaran di Putrajaya mencapai tahap mampan dimana jumlah penduduk bandar ialah 113,300 orang.

Data kadar perbandaran adalah merujuk kepada Rancangan Tempatan yang telah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).





GT2-P2 Nisbah Penyediaan Kawasan Lapang Awam Berbanding Dengan 1,000 Penduduk

Kawasan lapang awam diukur selaras keputusan mesyuarat Majlis Perancangan fizikal Negara (MPFN) Ke 5/2005 pada 6 Oktober 2005 yang mensasarkan penyediaan 2 hektar kawasan lapang awam bagi setiap 1,000 penduduk bandar ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Penyediaan kawasan lapang awam adalah perlu supaya penduduk dapat menikmati kemudahan rekreasi yang mencukupi bagi tujuan riadah, peningkatan tahap kesihatan serta bagi tujuan penghijauan.

Nisbah penyediaan kawasan lapang awam berbanding dengan 1,000 penduduk yang direkodkan adalah melebihi sasaran piawaian iaitu 17.14 hektar dan berada di tahap mampan.

GT2-P3 Peratus Permohonan Pewartaan Kawasan Lapang


Kawasan lapang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 (1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) sebagai :

“Mana-mana tanah sama ada dikepung atau tidak yang disusun atur atau dirizabkan untuk disusun atur keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin awam, tempat jalan kaki awam, atau sebagai suatu tempat awam ”.

Putrajaya telah melebihi sasaran piawaian, iaitu mampan sebanyak 100 peratus pada tahun 2020.

GT4-P1 Hutan Simpan Kekal/Taman Awam

Pengekalan kawasan hutan simpan kekal/taman awam adalah penting bagi mengelakkan hutan simpan kekal ditukar kegunaannya kepada guna tanah lain yang akan mengurangkan keluasan hutan tersebut. Hutan simpan kekal mempunyai nilai warisan yang sangat tinggi dengan kepelbagaian flora dan fauna. Di Putrajaya, tiada kawasan hutan simpan kekal sebagaimana yang ditakrifkan oleh piawaian. Dalam penunjuk ini, Putrajaya telah dipersetujui oleh PLANMalaysia bagi mengambillkira Taman-taman awam yang berstatus kekal di Putrajaya seperti Taman Botani, Taman wetland, Taman Warisan dan Taman Rimba Alam. Keluasan bagi Taman-taman tersebut ialah 1061.60 hektar di mana telah mencapai 100.52 peratus dan mendapat skor mampaan.



GT4-P2 Program / Aktiviti / Inisiatif Pembangunan Pelancongan

Program/aktiviti/inisiatif pembangunan pelancongan dijelaskan sebagai semua program atau sebarang aktiviti/inisiatif atau usaha-usaha yang dijalankan bagi maksud memajukan dan membangunkan sektor pelancongan termasuk pelancongan pendidikan, kesihatan, membeli-belah, rekreasi, warisan, kebudayaan, alam semulajadi dan sebagainya.

Pelaksanaan program/aktiviti/inisiatif ini boleh dijalankan oleh PBT sendiri atau secara kolaborasi bersama pihak-pihak lain seperti Kementerian, swasta, NGO, agensi pelancongan, individu dan lain-lain pihak yang berkepentingan.

Terdapat 19 program/aktiviti/inisiatif pembangunan pelancongan yang direkodkan oleh Perbadanan Putrajaya yang melebihi sasaran piawaian dan mencapai tahap mampan.



6.0

INFRASTRUKTUR & PENGANGKUTAN EFISIEN

DIMENSI 5 INFRASTRUKTUR & PENGANGKUTAN EFISIEN



TEMA



PENUNJUK

IT1 Kecekapan Utiliti

IT1-P1 Isipadu Penggunaan Air Domestik Harian Per Kapita

IT1-P2 Penggunaan Harian Elektrik Per Kapita

IT1-P3 Pengurangan Kes Gangguan Bekalan Air

IT1-P4 Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW)

IT1-P5 Pengurangan Kes Gangguan Bekalan Elektrik

IT1-P6 Kadar Liputan Jalur Lebar

IT2 Pengurusan Sisa Pepejal

IT2-P1 Kadar Kenaikan Tahunan Kitar Semula

IT3 Pengangkutan

IT3-P1 Bilangan Terminal/Stesen Pengangkutan Awam Bersepadu

IT4 Pengurusan Sisa Kumbahan

IT4-P1 Peratus Kediaman Mendapat Perkhidmatan Pembentungan

JUMLAH TEMA (4)

JUMLAH PENUNJUK (9)

6.1 PENUNJUK YANG DIGUNAKAN

Tahap kemampanan bagi Dimensi Infrastruktur & Pengangkutan Efisien diukur, menggunakan sembilan (9) penunjuk dengan sasaran piawaian seperti di Jadual 7.

Jadual 7 : Penunjuk, Sasaran Piawaian dan Pencapaian Bagi Dimensi Infrastruktur & Pengangkutan Efisien

Bil.	Penunjuk	Sasaran Piawaian	Pencapaian 2020		
			Hasil	Kemampanan	Skor
1.	IT1-P1 Isipadu Penggunaan Air Domestik Harian Per Kapita	≤ 180 liter / hari / org	177	Mampan	3
2.	IT1-P2 Penggunaan Harian Elektrik Per Kapita	≤ 6 kWj / hari / orang	5.47	Mampan	3
3.	IT1-P3 Pengurangan Kes Gangguan Bekalan Air	≥ 15%	88.24	Mampan	3
4.	IT1-P4 Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW)	≤ 25%	16.34	Mampan	3
5.	IT1-P5 Pengurangan Kes Gangguan Bekalan Elektrik	≥ 15%	50	Mampan	3
6.	IT1-P6 Kadar Liputan Jalur Lebar	≥ 90%	99.94	Mampan	3
7.	IT2-P1 Kadar Kenaikan Tahunan Kitar Semula	≥ 2	2.01	Mampan	3
8.	IT3-P1 Bilangan Terminal / Stesen Pengangkutan Awam Bersepadu	≥ 8	14	Mampan	3
9.	IT4-P1 Peratus Kediaman Mendapat Perkhidmatan Pembetulan	≥ 80%	91.49	Mampan	3

6.2 HASIL PENUNJUK DAN KEMAMPANAN

Secara keseluruhan pada Jadual 7, Dimensi Infrastruktur & Pengangkutan Efisien bagi kawasan operasi Putrajaya adalah seperti berikut :

IT1-P1 Isipadu Penggunaan Air Domestik Harian Per Kapita

Isipadu penggunaan air domestik dimaksudkan bagi kegunaan aktiviti harian seperti minum, memasak, mandi, mencuci, sanitari serta lain-lain oleh seorang penduduk sehari. Penggunaan air domestik adalah penggunaan air oleh isi rumah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti harian di dalam dan di luar rumah seperti flush tandas, membasuh pinggan mangkuk, memasak, mencuci pakaian, mandi, menyiram tanaman, dan lain-lain. Manakala air bukan domestik pula merujuk kepada air yang digunakan untuk tujuan komersil, perindustrian, penggunaan awam pertanian, dan penternakan.

Di Putrajaya, jumlah isipadu penggunaan air domestik per kapita berada di skor mampan iaitu 177 liter / hari / orang.

IT1-P2 Penggunaan Harian Elektrik Per Kapita

Jumlah penggunaan elektrik domestik pada tahun 2020 ialah 226,298,670 (kWj) yang direkodkan oleh Tenaga Nasional Berhad yang mempunyai penduduk seramai 113,300 orang di Putrajaya. Oleh demikian, jumlah (kWj) penggunaan elektrik domestik pada tahun 2020 ialah 5.47 (kWj) / hari / orang dan berada di tahap mampan.


ITI-P3 Pengurangan Kes Gangguan Bekalan Air

Merujuk kepada masalah dan gangguan perkhidmatan bekalan air kepada pengguna, Antara puncanya ialah paip bekalan air pecah, tekanan air yang rendah, penyelenggaraan terhadap paip air yang telah usang, kualiti bekalan air tercemar dan bekalan air bersih di loji rawatan yang tidak mencukupi disebabkan atas faktor musim kemarau dan sebagainya.

Pada tahun 2020, pengurangan kes gangguan bekalan air di Putrajaya telah mencapai tahap mampan iaitu hanya 2 kes berbanding tahun 2019 ialah sebanyak 17 kes.

ITI-P4 Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW)

Kehilangan air bermaksud kehilangan air bersih dan terawat yang dikenali sebagai Air Tidak Terhasil (Non-Revenue Water - NRW). Ia boleh didefinisikan sebagai perbezaan antara jumlah pengeluaran air yang dibekalkan ke dalam sistem agihan berbanding jumlah penggunaan sah yang dibilkan. Di Putrajaya, kadar kehilangan air tidak terhasil (NRW) ialah 16.34 peratus dan berada di tahap mampan.



ITI-P5 Pengurangan Kes Gangguan Bekalan Elektrik

Gangguan bekalan elektrik merujuk kepada masalah membekalkan elektrik untuk jangka masa panjang atau pendek di sesebuah kawasan kepada pengguna. Bilangan laporan gangguan bekalan elektrik pada tahun 2020 yang direkodkan ialah satu (1) laporan berbanding pada tahun 2018 adalah dua (2) laporan. Oleh yang demikian, Putrajaya telah berada di tahap mampan iaitu melebihi sasaran piawaian.

ITI-P6 Kadar Liputan Jalur Lebar

Mengukur kadar liputan kemudahan rangkaian internet berkelajuan tinggi dalam sesebuah kawasan. Jalur Lebar adalah medium yang menyambungkan komunikasi berkeupayaan tinggi. Ia merujuk kepada sambungan 512 kbit/s atau lebih tinggi. Internet berkelajuan tinggi bermaksud minimum kelajuan adalah 10Mbps.

Bagi kawasan Putrajaya, penunjuk ini berada di tahap mampan iaitu telah mencapai 99.94 peratus melebihi sasaran piawaian iaitu 90%.

IT2-P1 Kadar Kenaikan Tahunan Kitar Semula

Kadar kitar semula bermaksud proses pengasingan sisa pepejal isi rumah yang melibatkan pengasingan sisa pepejal mengikut komposisi sisa seperti sisa kitar semula, sisa baki dan sisa pukal/kebum. Ini termasuklah sisa dapur, sisa makanan, bahan-bahan kotor, lampin pakai buang, kertas, plastik, sisa pukal, sisa kebun dan lain-lain (sisa kaca /seramik/tin aluminium /besi /logam /sisa elektronik /elektrik /fabric /kasut dan sisa berbahaya).

Penunjuk ini telah mencapai tahap mampan di Putrajaya iaitu sebanyak 2.01 peratus di mana jumlah sisa pepejal yang dikitar semula pada tahun 2020 ialah 4,314,204 kg berbanding pada tahun 2019 pula ialah 3,650,000 kg. Manakala, jumlah sisa pepejal yang dijana (kg) pada tahun 2020 ialah 30,906,280 kg. Pada tahun 2019 pula, jumlah sisa pepejal yang dijana (kg) ialah 30,539,680 kg.



IT3-P1 Bilangan Terminal / Stesen Pengangkutan Awam Bersepadu

Terminal/stesen pengangkutan awam bersepadu adalah tempat/kawasan/bangunan yang menempatkan pelbagai kemudahan pengangkutan awam (gabungan antara bas atau teksi atau rel atau air) di satu tempat/kawasan.

Di Putrajaya terdapat empat belas (14) bilangan terminal / stesen pengangkutan bersepadu termasuk pusat pengangkutan awam yang menempatkan sekurang-kurangnya dua (2) mod pengangkutan awam pada satu tempat/lokasi/kawasan/bangunan. Contoh kawasan tersebut terdapatnya tempat bagi pengangkutan bas dan teksi walaupun secara fizikalnya tidak kelihatan seperti terminal/stesen berpusat namun dari segi operasinya berfungsi dua (2) atau lebih mod pengangkutan. Ini menunjukkan Putrajaya telah mencapai tahap mampan kerana telah melebihi sasaran piawaian.





IT4-P1 Peratus Kediaman Mendapat Perkhidmatan Pembetungan

Perkhidmatan pembetungan adalah penting dalam memantau kualiti pengeluaran sisa kumbahan dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Jumlah kediaman mendapat perkhidmatan pembetungan di Putrajaya pada tahun 2020 ialah 34,206 unit daripada 37,386 unit kediaman dimana kediaman ini yang menerima bil untuk perkhidmatan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd (IWK) dan berada di tahap mampan iaitu 91.49 peratus.

URUSTADBIR EFEKTIF

7.0

DIMENSI 6 TADBIR URUS EFEKTIF



TEMA

PENUNJUK

UT1 Sistem Penyampaian

UT1-P1 Peratusan Kepuasan Penduduk Terhadap Perkhidmatan PBT

UT2-P1 Peratusan Pencapaian Kutipan Hasil PBT

UT2 Pengukuhan Institusi

UT2-P2 Peratusan Perbelanjaan Penyelenggaraan Berbanding Jumlah Perbelanjaan PBT Keseluruhan

UT2-P3 Peratusan Perbelanjaan (Mengurus dan Pembangunan) Pihak Berkuasa Tempatan

UT3 Penguatkuasaan dan Pemantauan

UT3-P1 Peratusan Permohonan Kebenaran Merancang Yang Selaras Dengan Rancangan Tempatan

UT3-P2 Bilangan Pelaksanaan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Yang Dijalankan Bersama PBT

JUMLAH TEMA (3)

JUMLAH PENUNJUK (6)

7.1 PENUNJUK YANG DIGUNAKAN

Tahap kemampuan bagi Dimensi Urustadbir Efektif diukur, menggunakan enam (6) penunjuk dengan sasaran piawaian seperti di Jadual 8.

Jadual 8 : Penunjuk, Sasaran Piawaian dan Pencapaian Bagi Dimensi Urustadbir Efektif

Bil.	Penunjuk	Sasaran Piawaian	Pencapaian 2020		
			Hasil	Kemampuan	Skor
1.	UT1-P1 Peratusan Kepuasan Penduduk Terhadap Perkhidmatan PBT	≥ 80%	99.66	Mampan	3
2.	UT2-P1 Peratusan Pencapaian Kutipan Hasil PBT	≥ 90%	98.47	Mampan	3
3.	UT2-P2 Peratusan Perbelanjaan Penyelenggaraan Berbanding Jumlah Perbelanjaan PBT Keseluruhan	≥ 20%	68.95	Mampan	3
4.	UT2-P3 Peratusan Perbelanjaan (Mengurus & Pembangunan) PBT	≥ 90%	96.32	Mampan	3
5.	UT3-P1 Peratusan Permohonan Kebenaran Merancang Yang Selaras Dengan Rancangan Tempatan	≥ 100%	100	Mampan	3
6.	UT3-P2 Bilangan Pelaksanaan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Yang Dijalankan Bersama PBT	≥ 30%	71	Mampan	3

7.2 HASIL PENUNJUK DAN KEMAMPANAN

Secara keseluruhan pada Jadual 8, Dimensi Ekonomi Berdaya Saing bagi kawasan operasi Putrajaya adalah seperti berikut :

UT1-P1 Peratusan Keuasan Penduduk Terhadap Perkhidmatan PBT

Pengukuran tahap keuasan penduduk terhadap perkhidmatan keseluruhan PBT kepada seluruh kawasan pentadbiran dan operasi. Tahap perkhidmatan yang terbaik oleh PBT kepada seluruh kawasan pentadbiran dan operasinya menjadi pengukur kepada keuasan penduduk. Berdasarkan Sistem Star Rating Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT), terdapat 6 aspek utama yang terlibat iaitu:-

- i Kebersihan Persekitaran dan Kesihatan;
- ii Pengurusan Lalu lintas dan Tempat Letak Kereta;
- iii Kemudahan Sosial/ Infrastruktur di Kawasan PBT;
- iv Keselamatan dan Pencegahan Jenayah;
- v Perkhidmatan Kaunter dan Pengurusan Pelanggan;
- vi Pandangan dan Cadangan;

Sungguhpun begitu, keuasan penduduk terhadap perkhidmatan PBT bergantung kepada kecekapan dan keberkesanan sesebuah PBT dalam menyampaikan perkhidmatannya.

Pada tahun 2021, Perbadanan Putrajaya telah menjalankan soal selidik secara online bagi peratusan keuasan penduduk terhadap perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi penunjuk ini, Putrajaya telah mencapai tahap mampan iaitu sebanyak 99.66 peratus.



UT2-PI Peratus Pencapaian Kutipan Hasil Pihak Berkuasa Tempatan

Pencapaian kutipan hasil Pihak Berkuasa Tempatan melalui hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Pencapaian kutipan hasil yang tinggi akan membantu mengukuhkan sumber kewangan organisasi tersebut.

Jumlah kutipan hasil Perbadanan Putrajaya pada tahun 2020 yang disasarkan sebanyak RM 468,246,238.00 manakala bagi kutipan hasil yang telah diterima adalah sebanyak RM 475,544,500.00. Maka kadar kutipan hasil yang diterima adalah 98.47 peratus dan penunjuk ini telah mencapai tahap mampan dan melebihi sasaran piawaian iaitu 90 peratus.

UT2-P2 Peratusan Perbelanjaan Penyelenggaraan Berbanding Jumlah Perbelanjaan PBT Keseluruhan

Perbelanjaan untuk penyelenggaraan yang tinggi menunjukkan PBT sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan penduduk dan seterusnya mengukuhkan peranannya sebagai pentadbir kawasan tempatan (tidak termasuk sebarang peruntukan dari mana-mana agensi luar).

Pada tahun 2020, jumlah perbelanjaan penyelenggaraan kepada penduduk di Putrajaya ialah sebanyak RM 292,811,564.00. Manakala jumlah perbelanjaan keseluruhan pula sebanyak RM 424,687,524.00. Penunjuk ini berada di tahap mampan kerana peratus perbelanjaan berbanding keseluruhan perbelanjaan adalah 68.95 peratus yang melebihi sasaran piawaian iaitu 20 peratus.

UT2-P3 Peratusan Perbelanjaan (Mengurus & Pembangunan) PBT

Perbelanjaan mengurus ialah perbelanjaan semasa PBT bagi membiayai pengurusan dan pentadbiran PBT. Ini termasuk perbelanjaan untuk gaji (emolumen) kakitangan PBT dan penyelenggaraan. Manakala belanja pembangunan merangkumi perbelanjaan seperti pembinaan projek- projek, tanaman, landskap dan sebagainya oleh PBT.

Perbelanjaan PBT akan memberi manfaat secara langsung untuk kesejahteraan rakyat dan mewujudkan kesan gandaan kepada aktiviti ekonomi. Objektif indikator ini adalah bagi melihat sejauh mana PBT mengurus perbelanjaan yang telah diperuntukkan dan diluluskan dengan cekap dan berkesan oleh PBT setiap tahun.

Jumlah perbelanjaan sebenar Perbadanan Putrajaya pada tahun 2020 ialah RM 424,687,524.00. Manakala, jumlah peruntukkan bagi Perbadanan Putrajaya sebanyak RM 440,917,500.00. Ini menunjukkan peratusan perbelanjaan Perbadanan Putrajaya adalah 96.32 peratus yang berada di tahap mampan.

UT3-P1 Peratusan Permohonan Kebenaran Merancang Yang Selaras Dengan Rancangan Tempatan

Jumlah kebenaran merancang yang selaras dengan pelan pengezonan Rancangan Tempatan yang telah diwartakan.

Pada tahun 2020, Perbadanan Putrajaya telah menerima dan meluluskan sebanyak dua puluh tujuh(27) permohonan Kebenaran yang telah mematuhi Merancang Rancangan Tempatan Putrajaya. Sehubungan dengan itu, Perbadanan Putrajaya telah mencapai tahap mampan iaitu 100 peratus bagi penunjuk ini.



UT3-P2 Bilangan Pelaksanaan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Yang Dijalankan Bersama PBT

Operasi penguatkuasaan bersepadu yang dijalankan bersama Pihak Berkuasa Tempatan sepanjang tahun kajian dengan melibatkan lebih dua (2) agensi berkuasa lain.

Indikator ini merupakan kaedah secara 'smart partnership' bersama agensi berkuasa berkenaan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan sistem penyampaian Pihak Berkuasa Tempatan.

Bagi penunjuk ini, Perbadanan Putrajaya telah menjalankan sebanyak tujuh puluh satu(71) operasi penguatkuasaan bersepadu bersama agensi-agensi lain dan telah mencapai tahap mampan.



RINGKASAN SKOR KEMAMPANAN

8.0

Tahap kemampuan Putrajaya menggunakan enam (6) Dimensi yang terdiri daripada tiga puluh sembilan (39) penunjuk seperti di Jadual 9.


Jadual 9 : Penunjuk, Sasaran Piawaian dan Pencapaian MURNInets 2.0 Tahun 2020

Bil.	Penunjuk	Sasaran Piawaian	Pencapaian 2020		
			Hasil	Kemampuan	Skor
1.	ET1-P1 Kadar Pertumbuhan Tenaga Buruh	≥ 2.1%	9.41	Mampam	3
2.	ET2-P1 Kadar Kemiskinan	≤ 0.6%	0.43	Mampam	3
3.	ET3-P1 Kadar Pertumbuhan Pelaburan Swasta	≥ 9.4% Setahun	10.35	Mampam	3
4.	ST1-P1 Status Kualiti Air Sungai	≤ 10%	0	Mampam	3
5.	ST1-P2 Keadaan Kualiti Udara Persekitaran	≥ 80%	99.18	Mampam	3
6.	ST2-P1 Bilangan Inisiatif Pelaksanaan & Pengurusan Risiko Bencana	≥ 5	237	Mampam	3
7.	ST3-P1 Peratusan Penjanaan Sisa Pepejal Per Kapita	≤ 10%	-7.29	Mampam	3
8.	ST3-P2 Bilangan Inisiatif Pelaksanaan & Pengurusan Alam Sekitar	≥ 50%	141	Mampam	3
9.	ST3-P3 Peratusan Peruntukan Kewangan Pendidikan Alam Sekitar	≥ 90%	113.38	Mampam	3
10.	KT1-P1 Peratus Pencapaian Penyediaan Rumah Mampu Milik Mengikut Sasaran Negeri	≥ 70%	100	Mampam	3
11.	KT2-P1 Peratus Liputan Kediaman Dalam Lingkungan 400 Meter Dari Kemudahan Masyarakat	≥ 90%	90.37	Mampam	3
12.	KT3-P1 Nisbah Kes Aduan Berkaitan Kacau Ganggu Awam Kepada 10,000 Penduduk	< 5 Aduan: 10,000 Penduduk	2.74	Mampam	3

Bil.	Penunjuk	Sasaran Piawaian	Pencapaian 2020		
			Hasil	Kemampuan	Skor
13.	KT3-P2 Nisbah Kes Penyakit Bawaan Air Kepada 10,000 Penduduk	≤ 5 Aduan: 10,000 Penduduk	0	Mampan	3
14.	KT3-P3 Peratus Premis Perniagaan Makanan Yang Mendapat Penarafan Gred A	≥ 70%	72.92	Mampan	3
15.	KT3-P4 Peratus Tandas Awam Yang Mendapat Penarafan Lima Bintang	≥ 91%	92.45	Mampan	3
16.	KT3-P5 Indeks Kebahagiaan (Happiness Index)	≥ 80% (Bahagia)	97.89	Mampan	3
17.	KT3-P6 Nisbah Kes Penyakit Bawaan Vektor Kepada 10,000 Penduduk	≤ 40 Kes: 10,000 Penduduk	57.55	Sederhana Mampan	2
18.	KT4-P1 Peratus Penurunan Jenayah Indeks	≥ 5%	46.75	Mampan	3
19.	GT1-P1 Peratus Perubahan Terhadap Kawasan Bukan Tephubina	0%	0	Mampan	3
20.	GT2-P1 Kadar Perbandaran	≥ 60%	100	Mampan	3
21.	GT2-P2 Nisbah Penyediaan Kawasan Lapang Awam Berbanding Dengan 1,000 Penduduk	≥ 2 Hektar: 1,000 Penduduk	17.14	Mampan	3
22.	GT2-P3 Peratus Permohonan Pewartaan Kawasan Lapang	≥ 80%	100	Mampan	3
23.	GT4-P1 Kawasan Hutan Simpan Kekal/Taman Awam	≥ 100%	100.52	Mampan	3
24.	GT4-P2 Program / Aktiviti / Inisiatif Pembagunan Pelancongan	≥ 15%	19	Mampan	3
25.	ITI-P1 Isipadu Penggunaan Air Domestik Harian Per Kapita	≤ 180 liter/ hari / orang	177	Mampan	3
26.	ITI-P2 Penggunaan Harian Elektrik Per Kapita	≤ 6 kWj / hari / orang	5.47	Mampan	3

8.0 | RINGKASAN SKOR KEMAMPANAN

Bil.	Penunjuk	Sasaran Piawaian	Pencapaian 2020			
			Hasil	Kemampuan	Skor	
27.	IT1-P3	Pengurangan Kes Gangguan Bekalan Air	≥ 15%	88.24	Mampan	3
28.	IT1-P4	Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW)	≤ 25%	16.34	Mampan	3
29.	IT1-P5	Pengurangan Kes Gangguan Bekalan Elektrik	≥15%	50	Mampan	3
30.	IT1-P6	Kadar Liputan Jalur Lebar	≥ 90%	99.94	Mampan	3
31.	IT2-P1	Kadar Kenaikan Tahunan Kitar Semula	≥ 2%	2.01	Mampan	3
32.	IT3-P1	Bilangan Terminal / Stesen Pengangkutan Awam Bersepadu	≥ 8	14	Mampan	3
33.	IT4-P1	Peratus Kediaman Mendapat Perkhidmatan Pembetulan	≥ 80%	19.49	Mampan	3
34.	UT1-P1	Peratusan Kepuasan Penduduk Terhadap Perkhidmatan PBT	> 80%	99.66	Mampan	3
35.	UT2-P1	Peratusan Pencapaian Kutipan Hasil PBT	> 90%	98.47	Mampan	3
36.	UT2-P2	Peratus Perbelanjaan Penyelenggaraan Berbanding Jumlah Perbelanjaan PBT Keseluruhan	> 20%	68.95	Mampan	3
37.	UT2-P3	Peratusan Perbelanjaan (Mengurus & Pembangunan) PBT	> 90%	96.32	Mampan	3
38.	UT3-P1	Peratusan Permohonan Kebenaran Merancang Yang Diluluskan Mematuhi Rancangan Pemajuan / Rancangan Tempatan	> 100%	100	Mampan	3
39.	UT3-P2	Bilangan Pelaksanaan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Yang Dijalankan Bersama PBT	> 30%	71	Mampan	3



LAMPIRAN



Lampiran 1 : Surat Pengumpulan Data MURNInets

PERBADANAN PUTRAJAYA
Kompleks Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3,
62675 Putrajaya
MALAYSIA



Telefon : 603-8887 7098
Faks : 603-8887 5007
Laman Web : www.ppj.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : PPj. RM.600-2/2/6 Jld. 2 (1)
Tarih : 11 Januari 2021

**Senarai edaran
(Seperti di Lampiran 1)**

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PENGUMPULAN DATA BAGI PELAKSANAAN PROGRAM JARINGAN PENUNJUK
PEMBANGUNAN MAMPAN BANDAR-LUAR BANDAR MALAYSIA (MURNInets) 2.0
- Pengumpulan Data Tahun 2020 Bagi Putrajaya**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.


- Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Putrajaya sedang dalam proses pengumpulan data MURNInets 2.0 Tahun 2020.
- Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan adalah dipohon supaya membekalkan data seperti di **Lampiran selewat-lewatnya pada 31 Mac 2021 (Rabu)**. Data-data yang telah dilengkapkan di Borang A hendaklah ditandatangani pada ruangan (Sumber / Pembekal Data) bagi tujuan pengesahan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan, boleh menghubungi pegawai kami En. Norazle Bin Ab Malek (03-8887 7142) norazle@ppj.gov.my / Pn. Nor Amira Binti Mat Zain (03-8887 7394 / 019-274 7394) noramira@ppj.gov.my.

4. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BANDAR RAYA BESTARI KEHIDUPAN BERKUALITI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,


(TPr. NORZITA BINTI ABD RAZAK)
b.p. Presiden
Perbadanan Putrajaya

TERURUS • BERSEMANGAT DAN BERTENAGA • MAKMUR



Salinan kepada :

En Lokman Bin Jamaan
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Strategik
Kementerian Wilayah Persekutuan
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah,
Presint 2,
62100 PUTRAJAYA

Faks: 03 – 8889 7957

Lampiran 1

1. **Ketua Perangkawan Malaysia**
Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi
Aras 4, Blok C6, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 PUTRAJAYA
Faks : 03 – 8888 9224
2. **Pengarah**
Bahagian Kesejahteraan Rakyat
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 1, Blok Barat
Bangunan Perdana Putra
62250 PUTRAJAYA
Faks : 03 – 8888 3685
3. **Ketua Polis Daerah**
Ibu Pejabat Polis Daerah
Polis Diraja Malaysia
Presint 7
62502 PUTRAJAYA
Faks: 03 – 8888 0249
4. **Pegawai Kesihatan**
Pejabat Kesihatan Putrajaya,
Jalan 11/2, Presint 11
Wilayah Persekutuan Putrajaya
62300 PUTRAJAYA
Faks : 03 – 8890 1081
5. **En. Suhaimi Bin Kamaralzaman**
Ketua Pegawai Eksekutif
Tingkat 7,
Ibu Pejabat
Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.
Jalan Pantai Baharu
59200 KUALA LUMPUR
Faks: 03 – 2088 5404
6. **YBhg. Dato' Haji Zulkffli Bin Ab Rahaman**
General Manager
Tenaga Nasional Berhad (Putrajaya & Cyberjaya)
Blok 4802-0-7
Jalan Perdana, CBD Perdana,
63000 CYBERJAYA
Faks : 03 – 8886 6933

- 7. Ketua Pegawai Eksekutif**
Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.
Menara PJH
No.2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2,
62100 PUTRAJAYA
(u.p : Tn. Ir. Hassan Bin Ramadi) **Faks: 03 – 8889 5499**
- 8. Ketua Jabatan Perancangan Korporat**
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.
Corporate Planning Department
Level 7,
No.44, Jalan Dungun
Damansara Heights
50490 KUALA LUMPUR **Faks : 03 – 2780 1101**
- 9. YBhg. Datuk Che Azizuddin Bin Che Ismail**
Pengarah Urusan
Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn. Bhd.
Depoh Putrajaya, Jalan P9,
Presint 9
62250 PUTRAJAYA **Faks : 03 – 8890 5788**
- 10. Ketua Jabatan**
Jabatan Komuniti Pintar Digital
Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia
MCMC Tower 1
Jalan Impact
Cyber 6
63000 CYBERJAYA **Faks : 03 – 8688 1000**
(u.p : Pn. Noraazwa Binti Abd Rani)
- 11. Pengarah**
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 PUTRAJAYA **Faks : 03 – 8888 0846**
- 12. Pengarah**
Angkatan Pertahanan Awam Wilayah Persekutuan Putrajaya,
86, Jalan Diplomatik, Presint 15,
62050 PUTRAJAYA

Lampiran 2 : Borang A

BORANG A.1 (ET2-P1)


PELAKSANAAN PROGRAM JARINGAN PENUNJUK PEMBANGUNAN MAMPAN
BANDAR-LUAR BANDAR MALAYSIA (MURNInets 2.0)TAHUN PROGRAM: 2021 TAHUN PENILAIAN: 2020 (Tahun Kajian)NEGERI : WP PUTRAJAYAPENUNJUK: ET2-P1 Kadar Kemiskinan

Bagi tujuan penilaian MURNInets, data yang diperlukan adalah DATA MISKIN dan DATA MISKIN TEGAR, TERMASUK* data isi rumah bandar dan luar bandar yang merangkumi semua bilangan Ahli Isi Rumah (AIR). BUKAN data Ketua Isi Rumah (KIR).

BIL	NAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	DATA (A) Jumlah Penduduk Miskin Pada Tahun Kajian (2020)		
		Miskin*	Miskin Tegar*	JUMLAH
1	PERBADANAN PUTRAJAYA	KIR 78 AIR 340	KIR 13 AIR 57	KIR 91 AIR 397
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				
..				
.				

*Nota: Data (A) adalah dalam angka JUMLAH PENDUDUK MISKIN.
(Sila lampirkan bersama data dan nombor berkaitan)*

SUMBER / PEMBEKAL DATA (AGENSI)

Tandatangan : 
 Nama : Badrulhisham Bin Md. Khalid
 Jawatan/Gred : Raunwan Raudwan / 154
 Tarikh : 1/4/2021

Cop Rasmi:
 BADRULHISHAM BIN MD. KHALID
 Peninggal Pengarah
 Bahagian Kesejahteraan Rakyat
 Unit Penyelidikan Pelaksanaan
 Jabatan Perdana Menteri

PENYELARAS DATA (Urus Setia MURNInets PP)

Tandatangan : 
 Nama : NOORZELOFWAN BIN MALEK
 Jawatan/Gred : Asas Peninggal Pengarah
 Bahagian Kesejahteraan Rakyat
 Peninggal Peninggalan
 Bahagian Pembangunan Mampian
 Jabatan Pembangunan Bersama
 PERBADANAN PUTRAJAYA
 Tarikh: 2/4/2021

Cop Rasmi:

Lampiran 3 : Online Survey



Sesi menjawab soal selidik MURNInets secara online

Lampiran 4 : Borang Soal Selidik KT3-P5 (Indeks Kebahagiaan)

BORANG B
BORANG PENENTUAN PECAHAN NOMBOR SIRI
BORANG SOALSELIDIK MURNI BAGI PENUNJUK KT3-P5 DAN KIT1-P1
BORANG KT3-P5

Pecahan secara purata bagi 24 kawasan / zon:
MAJLIS DAERAH XYZ, NEGERI ABC

Bandaraya $450 + 24 = 18.7$
 Perbandaran $400 + 24 = 16.6$
 Daerah $300 + 24 = 12.5$

BIL	NAMA KAWASAN / ZON PBT	PECAHAN BORANG (Bil. Siri)
1	Zon 1	15
2	Zon 2	15
3	Zon 3	15
4	Zon 4	10
5	Zon 5	15
6	Zon 6	18
7	Zon 7	10
8	Zon 8	10
9	Zon 9	10
10	Zon 10	10
11	Zon 11	10
12	Zon 12	10
13	Zon 13	12
14	Zon 14	14
15	Zon 15	15
16	Zon 16	12
17	Zon 17	12
18	Zon 18	12
19	Zon 19	12
20	Zon 20	12
21	Zon 21	12
22	Zon 22	12
23	Zon 23	12
24	Zon 24	15
	JUMLAH	300

Lampiran 4 : Borang Soal Selidik UT1-P1 (Peraturan Keupasan Penduduk Terhadap Perkhidmatan PBT)

Lampiran 2

BORANG B
BORANG UT1-P1Pecahan secara purata mengikut kawasan / zon

Borang Penduduk: Mengikut bilangan maksimum kawasan / zon

Borang Peniaga: Minimum 1 kawasan, maksimum 5 kawasan / zon

Borang NGO: Minimum 1 kawasan, maksimum 3 kawasan / zon

BANDARAYA / PERBANDARANPenduduk $208 \div 24 = 8.6$ Peniaga $39 \div 5 = 7.8$ NGO $13 \div 3 = 4.3$ DAERAHPenduduk $144 \div 24 = 6$ Peniaga $27 \div 5 = 5.4$ NGO $9 \div 3 = 3$

BIL	NAMA KAWASAN / ZON PBT	PECAHAN BORANG (Bil. Siri)		
		PENDUDUK	PENIAGA	NGO
1	Zon 1	14	9	5
2	Zon 2	13	8	4
3	Zon 3	13	8	
4	Zon 4	8		
5	Zon 5	8		
6	Zon 6	8		
7	Zon 7	8		
8	Zon 8	8		
9	Zon 9	8		
10	Zon 10	8		
11	Zon 11	8		
12	Zon 12	8		
13	Zon 13	8		
14	Zon 14	8		
15	Zon 15	8		
16	Zon 16	8		
17	Zon 17	8		
18	Zon 18	8		
19	Zon 19	8		4
20	Zon 20	8		
21	Zon 21	8		
22	Zon 22	8	7	
23	Zon 23	8	7	
24	Zon 24	8		
	JUMLAH	208	39	13



PERBADANAN PUTRAJAYA



Jika ada sebarang pertanyaan, sila hubungi :-

**Urus setia MURNInets
Seksyen Rancangan Pemajuan dan Penyelidikan Perancangan
Bahagian Pembangunan Mampan dan Perumahan
Jabatan Perancangan Bandar
Perbadanan Putrajaya**

**Tel : 03 - 8887 7142 / 03 - 8887 7394 / 03 - 8887 7631
Website PPj : www.ppj.gov.my**